


Amaran penularan penyakit selepas banjir

Sinar HARIAN (24/12/2021) MS 02
FOTO: BERNAMA

Ketika fokus Covid-19, pakar kesihatan harap tidak terlepas pandang dengan penyakit bawaan tikus dan nyamuk

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

SHAH ALAM



Longgokan sampah sarap dan perkakasan rumah yang rosak akibat banjir di satu kawasan lapang sebelum diuruskan pelupusannya oleh pihak berwajib semasa melakukan kerja-kerja pembersihan kediaman masing-masing selepas banjir surut di Taman Perumahan Seri Inderapura, Kuantan pada Khamis.

Di sebalik tumpuan dan kebimbangan terhadap penularan Covid-19 selepas bencana banjir, pakar kesihatan memberikan amaran tentang bahaya pendedahan dan penularan penyakit seperti leptospirosis (kencing tikus), denggi dan cirit-birit.

Pakar virologi, Profesor Dr Szazly Abu Bakar berkata, tikus yang kelaparan dan kesejukan akan mula keluar dan berada dekat dengan manusia menyebabkan penyakit kencing tikus boleh menular dalam keadaan sempit dan ramai.

Selain itu katanya, mangsa banjir terdedah kepada penyakit yang berpunca daripada air seperti cirit-birit.

“Penyakit yang paling kita risaukan khususnya di kawasan seperti Shah Alam ialah wabak yang ditularkan oleh nyamuk iaitu denggi, chikungunya dan Japanese encephalitis (JE) yang kebiasaannya berlaku selepas dua minggu tamat banjir. Itu yang kita perlu beri perhatian.

“Pihak berkenaan perlu memberikan perhatian kepada kemungkinan yang

akan berlaku. Sebelum ini kita terlepas pandang akan persediaan banjir kerana kesibukan kita berdedah dengan Covid-19, harapkan kita tidak terlepas pandang dengan penyakit bawaan tikus dan nyamuk, selain Covid-19.

“Saya risau apabila kita terlampau fokus kepada Covid-19, kita lupa bahawa kita ada penyakit yang betul-betul endemik seperti leptospirosis, denggi dan cirit-birit,” katanya dan baik.



SAZALY ABU BAKAR

ketika dihubungi Sinar Harian pada Khamis.

Beliau yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) Universiti Malaya (UM) berkata, bagi menangani masalah ini, beberapa perkara perlu diberikan perhatian termasuklah semua pihak perlu memastikan pengurusan sampah dilakukan dengan cara betul

INFO PENYAKIT BERJANGKIT AKIBAT BANJIR

PENYAKIT BAWAAN AIR DAN MAKANAN:

- Penyakit kerap berlaku semasa dan selepas banjir ialah seperti demam kepialu, taun, hepatitis A, disentri dan keracunan makanan. Gejala penyakit ini seperti cirit-birit, muntah, demam, sakit perut dan sakit kepala.
- Cara jangkitan penyakit ini adalah melalui minum air atau makan makanan yang telah dicemari oleh kuman penyakit tersebut. Penyakit ini sangat mudah berjangkit dan berbahaya.

PENYAKIT LEPTOSPIROSIS:

- Penyakit Leptospirosis adalah disebabkan oleh bakteria *Leptospira* yang terdapat di dalam air kencing haiwan mamalia berkaki empat seperti tikus, kucing, anjing, lembu dan sebagainya.
- Penyakit ini boleh berjangkit kepada manusia yang terdedah atau bersentuhan secara langsung dengan air atau air banjir yang telah tercemar dengan air kencing haiwan yang telah terjangkiti dengan bakteria ini. Antara tanda-tanda penyakit Leptospirosis ialah demam, sakit kepala, loya, muntah, sakit otot, kemerahan pada mata, ruam, sakit pada abdomen, jaundis dan air kencing berwarna kehitaman.

SAKIT MATA:

- Konjunktivitis atau sakit mata juga merupakan penyakit yang kerap terjadi semasa banjir. Penyakit ini mudah merebak dengan cepat dari seorang pesakit kepada orang lain melalui perkongsian alat-alat peribadi seperti tuala, bantal dan sapu tangan serta bergaul rapat dengan orang yang sakit mata. Penyakit yang disebabkan oleh kuman (bakteria atau virus) atau alahan ini merupakan radang pada bahagian putih mata. Antara gejala sakit mata ialah mata merah, berair dan pedih; discaj tahi mata yang berlebihan, mata terasa gatal dan mata sensitif terhadap cahaya.

DEMAM DENGGI:

- Demam denggi adalah berpunca dari nyamuk *Aedes*. Antara tandanya ialah bermula dengan demam mengejut, dengan sakit kepala teruk, sakit di belakang bebola mata, sakit sendi dan otot dan gatal-gatal. Ciri-ciri keradangan demam denggi adalah bintik-bintik merah terang, dan biasanya muncul di anggota bahagian bawah - pada sesetengah pesakit, ia merebak hampir kepada keseluruhan tubuh. Tanda pada kulit yang klasik ialah seluruh kulit tubuh bertukar kemerahan diselangi dengan tompok-tompok kulit warna yang normal. Kemungkinannya terdapat gastritis dengan gabungan sakit perut, mual, muntah atau cirit-cirit.